



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG UNDANG

**SIARAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

REFORMASI SISTEM KEHAKIMAN NEGARA DIPERLUKAN

Satu perbincangan awal telah diadakan pada hari ini, yang melibatkan **Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Othman Said**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), bersama-sama dengan **Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol** (Ahli Dewan Negara), selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-Undang, Dewan Negara, serta **Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen** (Ahli Parlimen Selayang), selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, Dewan Rakyat.

Perbincangan ini diadakan berhubung keprihatinan rakyat mengenai reformasi sistem kehakiman negara bagi menjamin integriti institusi kehakiman sebagai tunjang kedaulatan undang-undang. Dalam sesi ini, kedua-dua Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas turut menyampaikan kebimbangan berhubung perkembangan terkini mengenai isu pelantikan kehakiman dan menekankan kepentingan penelitian yang lebih mendalam bagi memastikan proses tersebut lebih telus dan diyakini.

Perbincangan ini bersetuju antara lain untuk melaksanakan kajian perbandingan awal (*preliminary comparative research*) mengenai pendekatan sistem pelantikan kehakiman di beberapa negara terpilih iaitu United Kingdom, India, Australia dan Singapura. Kajian perbandingan awal ini akan memberi kefahaman holistik tentang proses pelantikan kehakiman di negara-negara dengan sistem yang serupa bagi membolehkan Malaysia menilai secara berasaskan keterangan keperluan reformasi dan menyesuaikan amalan terbaik mengikut

konteks negara. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai model pelantikan kehakiman yang berkesan, mengenal pasti amalan terbaik dan mengesyorkan pembaharuan yang sesuai bagi konteks Malaysia sebagai sebuah negara Raja Berperlembagaan dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) turut mengalu-alukan pandangan dan maklum balas orang awam mengenai perkara ini. Pendekatan inklusif ini penting bagi memastikan setiap perspektif diambil kira sebelum hasil kajian dibentangkan bagi pertimbangan Jemaah Menteri. Kerajaan kekal komited untuk memperkukuh keyakinan awam dengan melaksanakan reformasi yang berasaskan keterangan dan telus.

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI

10 JULAI 2025

